

26 NOV 1997

Mustapa-Limo

KERAJAAN BENARKAN 1,050 KERETA MERCEDES UNTUK LIMOSIN KLIA

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Kerajaan telah membuat keputusan membenarkan kesemua 1,050 kereta Mercedes Benz yang telah dibeli oleh Airport Limo (M) Sdn Bhd (ALM) digunakan untuk perkhidmatan limosin Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed mengumumkan perkara ini hari ini berkata, keputusan itu dibuat setelah kerajaan menimbangkan rayuan ALM dan mengambil kira bahawa kenderaan terbabit telah ditempah dan dibayar sebelum negara mengalami krisis nilai mata wang.

Sehubungan dengan keputusan itu, kerajaan bersetuju mengeluarkan 700 permit kelulusan (AP) terus kepada ALM untuk membawa masuk kenderaan itu sementara baki 350 buah lagi akan dibawa masuk oleh NZ Wheels (M) Sdn Bhd dengan menggunakan kuota AP yang sedia ada padanya, katanya.

"Untuk keperluan masa depan perkhidmatan limosin untuk KLIA-Sepang akan menggunakan kereta Proton Perdana," katanya kepada pemberita di pejabatnya di Bangunan MARA di sini.

Kesemua 1,050 kereta Mercedes Benz itu yang telah sampai di Pelabuhan Klang dibeli oleh ALM berikutan keputusan awal kerajaan pada bulan Jun supaya 70 peratus daripada 1,500 kereta untuk perkhidmatan limosin KLIA menggunakan kereta jenis itu sementara baki 30 peratus lagi terdiri daripada kereta Proton Perdana.

Bagaimanapun berikutan krisis nilai matawang, kerajaan telah selepas pembentangan Belanjawan 1998 mengubah keputusan itu dan mengarahkan ALM menggunakan 100 peratus kereta Proton Perdana untuk perkhidmatan limosin itu.

Berikutan dengan keputusan yang kedua itu, kereta-kereta Mercedes yang telah dibeli oleh ALM tersadai di pelabuhan Klang sementara menunggu keputusan baru kerajaan setelah syarikat itu membuat rayuan.

ALM ialah syarikat konsortium yang dianggotai oleh Syarikat usahasama antara Selecta Accord (M) Sdn Bhd dan KUPPL (Konsortium Usahawan Pengusaha-pengusaha dan pemandu Limo LTAB (M) Bhd) serta Zalnas Limousine Sdn Bhd dan Mara Holdings Sdn Bhd.

Syarikat-syarikat yang menganggotai konsortium itu adalah mereka yang dilantik pada 24 Jun lepas untuk mengendalikan perkhidmatan teksi KLIA Sepang setelah diadakan tender terbuka kerajaan.

Mustapa berkata, berikutan dengan keputusan awal kerajaan yang mensyaratkan 70 peratus kenderaan untuk perkhidmatan limosin KLIA itu menggunakan kereta Mercedes, ALM melalui syarikat NZ Wheels telah membuat pesanan sebanyak 1,050 unit Mercedes dengan Daimler Benz Stuttgart dengan membayar "Irrevocable Letter of Credit" pada 16 Julai 1997.

Kebanyakan kereta itu menggunakan diesel dan khusus untuk digunakan sebagai teksi, katanya.

Menteri itu berkata ALM telah diminta oleh para pemegang saham syarikat itu dalam mesyuarat pada 2 Julai lepas supaya menyegerakan pembelian kereta memandangkan pada masa itu KLIA dijangka beroperasi mulai Januari 1998.

"Keputusan menggunakan kereta import bagi perkhidmatan teksi KLIA Sepang telah dibuat sebelum berlaku krisis mata wang. Pesanan dan pembayaran untuk kereta-kereta itu juga telah dibuat sebelum krisis ini berlaku," katanya.

KLIA kini dijangka beroperasi pada suku pertama tahun depan.

Sementara itu, pengarah urusan ALM, Badardin Ahmad mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalannya

Datuk Seri Anwar Ibrahim serta kesemua anggota Kabinet kerana memberi pertimbangan semula terhadap perkara itu.

Dalam satu kenyataan, beliau berkata keprihatinan kerajaan itu akan mendorong syarikatnya menawarkan perkhidmatan terbaik setaraf dengan lapangan terbang baru dan perkhidmatan limosin di negara lain. -- BERNAMA

AFY MHI NMO